

# Umrah: Pengenalan, Hikmah 20 & Persiapan Diri

Dr Fadlan Mohd Othman  
Pusat Kajian al-Quran  
dan al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Islam  
UKM



# Definisi Umrah

---

- Bahasa Arab: ziarah atau berkunjung.
  - Istilah Syarak: mengunjungi Baitullah (Kaabah) untuk mengerjakan ibadah umrah dengan niat dan syarat-syarat yang tertentu.
- 



# Hukum Umrah

- Wajib sekali sahaja seumur hidup.
- Firman Allah Taala (al-Baqarah: 196):
- وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ ﴿١٩٦﴾ [البَقَرَة : ١٩٦]
- Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah.



# Pahala Umrah

• فَإِنَّ عُمْرَةً فِي رَمَضَانَ تَقْضِي حَجَّةً أَوْ حَجَّةً مَعِي

- Maksudnya: [Umrah di bulan Ramadan menyerupai haji bersamaku.]
- HR al-Bukhari (1782).

• الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ  
لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

- Maksudnya: [Satu umrah ke satu umrah yang lain akan menghapuskan dosa di antara kedua-duanya. Haji yang mabrur (diterima) tidak mempunyai ganjaran kecuali syurga.]
- HR al-Bukhari (1773) dan Muslim (3289).



# Syarat Wajib Umrah

1. Islam

2. Baligh

3. Berakal

4. Merdeka  
(Tidak Hamba  
Abdi)

5.  
Berkemampuan

# Rukun Umrah

1. Berniat Ihram Umrah

2. Tawaf

3. Saie

4. Tahallul: Bercukur (Lelaki)  
atau Bergunting

5. Tertib (ikut susunan)

# Wajib Umrah

1. Niat Ihram di  
Miqat

2. Meninggalkan  
Larangan dalam  
Ihram



# Larangan dalam Ihram Umrah (Wajib)

- Lelaki
- 1. Memakai pakaian bersarung/ berjahit/ bercantum seperti seluar, baju kemeja, stoking, kasut yang menutup jari-jari kaki dan tumit, kain pelikat dan sebagainya...
- 2. Menutup kepala atau sebahagian daripadanya (melekat di kepala) seperti dengan songkok, kopiah, serban, kain ihram dan sebagainya...



# Larangan dalam Ihram Umrah (Wajib)

Wanita

1. Menutup muka

- Penutup mata untuk tidur




# Larangan dalam Ihram Umrah (Wajib)

- Lelaki & Wanita
- 1. Memakai sarung tangan
- 2. Memakai bau-bauan sama ada pada badan, makanan, minuman atau menghidunya ke dalam hidung...
  - Hajar Aswad ada minyak wangi.
  - Kelambu Kaabah ada minyak wangi.
- 3. Menanggalkan rambut atau bulu dari mana-mana anggota badan.
- 4. Mengerat atau memotong kuku.





# Larangan dalam Ihram Umrah (Wajib)



- Lelaki & Wanita
- 5. Memotong, menebang, mengerat atau mencabut pokok-pokok di Tanah Haram Mekah.
- 6. Memburu, menembak, menangkap, mengurung atau membinasakan binatang buruan darat yang halal dimakan sama ada di Tanah Halal atau Haram.
- 7. Melakukan pendahuluan (muqaddimah) persetubuhan.
- 8. Bersetubuh.

# Dam Bersetubuh dalam Ihram

- Pertama:

Sembelih 1 Unta @→ Sembelih 1 Lembu @→  
Sembelih 7 ekor kambing @→

makanan asasi nilai 1 unta disedekahkan kepada fakir miskin Mekah @→

puasa mengikut nilai cupak makanan bagi nilai 1 unta)

- Ditanggung oleh suami

- Kedua: Wajib sempurnakan umrah yang berbaki.

- Ketiga: Wajib qada' umrah itu, dengan niat ihram di Miqat sama.





# Larangan dalam Ihram Umrah (Wajib)

- Lelaki & Wanita
- 9. Berkahwin,  
mengahwinkan atau  
menerima wakil kahwin.
- - akad nikah tidak sah







# Hikmah Umrah

# 1. Umrah menanam Tauhid dalam jiwa insan:

- Dengan menekankan konsep Tauhid, terbentuklah Ikhlas yang merupakan syarat pertama bagi kesahihan amalan. Allah Taala mengarahkan agar niat dalam melaksanakan umrah mestilah semata kerana-Nya seperti dalam Surah al-Baqarah 2:196 yang bermaksud: {Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah}.
- Apabila diperhatikan lafaz Talbiyah, didapati ianya bersemarak dengan penyucian amalan ini semata-mata untuk Allah Taala...





## 2. Umrah menanam ikutan jitu terhadap Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam:

- Konsep Mutaba'ah ini pula merupakan syarat kedua bagi kesahihan amalan. Ikutan terhadap Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam ialah pada kata-katanya, perbutannya serta perakuannya. Dengan ini insan dapat menyelamatkan diri daripada syirik dalam ketaatan.
- Hanya daripada Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam sahajalah kita boleh mengambil amalan-amalan / manasik umrah dan haji...





3. Umrah mendidik  
Insan agar melepaskan  
diri daripada musyrikin  
dan menyalahi mereka:



- Pelaksanaan umrah oleh Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam jelas menunjukkan kepada insan betapa perlunya menyalahi perbuatan musyrikin. Islam adalah agama yang berdikari di atas paksi Wahyu Ilahi yang tidak boleh sekali-kali berkompromi dengan kebatilan agama-agama syirik dan kufur.
- Umrah boleh dilaksanakan dalam bulan haji dan Talbiyah dihiasai Tauhid...



#### 4. Umrah mendidik Insan supaya mengagungkan syiar-syiar Allah Taala:

---

- Ini merupakan antara peranan utama umrah; menanamkan rasa agung, kagum dan cinta terhadap tanda-tanda kebesaran Allah Taala; menyemai rasa berat dan bersalah untuk mempermainkan syiar-syiar Allah.
  - Kaabah, Tawaf, Saie merupakan syiar-syiar Allah Taala...
  - Semasa umrah, kepala lelaki tidak dibenarkan ditutup sebagai salah satu syiar umrah yang ditetapkan oleh Allah Taala...
- 





## 5. Umrah mendidik Insan agar bersifat dengan akhlak yang mulia:

- Harga diri, tahan marah dan tidak bertengkar merupakan akhlak asasi dalam umrah...
- Lembut, halus dan tenang menghiasi perjalanan insan dalam melakukan umrah...
- Kekitaan dalam melakukan amalan-amalan umrah dengan persamaan pakaian serta pegerakan; dan bukannya "keakuan"...
- Rendah diri timbul apabila insan dapat merasakan tiada kelebihan atau pengkhususan amalan wajib atau sunat bagi orang-orang tertentu...





## 6. Umrah mendidik Insan supaya menanggung akibat kesalahan:

- Sesiapa yang meninggalkan perkara wajib atau melakukan perkara terlarang akan dikenakan fidyah/ dam. Insan akan bersedia menghadapinya dalam umrah.
- Sifat bertanggung jawab ini menunjukkan sudut kematangan dan kesempurnaan insan yang merupakan antara tujuan utama dalam Tarbiyah/ Pendidikan...







## 7. Umrah mengingatkan Insan kepada Hari Akhirat:

- Antara lain apabila meninggalkan tempat asal dan keluarga... ibarat meninggal dunia...
- Apabila meninggalkan pakaian biasa kepada pakaian ihram... ibarat memakai kafan...
- Apabila mengembara, merasa penat, haus dan berhimpit-himpit... ibarat keadaan manusia di mauqif/ padang mahsyar kelak...








8. Umrah mendidik Insan agar berserah dan merendahkan diri kepada Allah Taala serta berusaha bersungguh-sungguh demi Allah Taala:

- Insan yang menunaikan umrah akan mendahulukan pilihan Allah Taala ke atas pilihan nafsu dan jiwanya.
- Ini menjadikannya hanya senang dan tenang dengan apa yang diredai oleh Tuhannya.
- Dengan ini, insan akan mencapai satu peringkat yang tinggi lagi mulia...



## 9. Umrah menekankan erti persaudaraan Iman dan kesatuan Islam:

- Umrah merupakan satu perjumpaan antarabangsa bertaraf dunia. Dengannya terlaksanalah kesatuan umat pada punca pengambilan agama, tujuan hati, amalan anggota badan, waktu ibadat, tempat ibadat, pakaian, bacaan dan atur cara ibadat.
- Umrah sepatutnya mengenyahkan segala perbezaan Bahasa, warna dan iklim...




## 10. Umrah mengaitkan Insan dengan generasi salih terawal:

- Mengenangkan sejarah haji dan umrah, pastinya insan terbayang pergerakan Nabi Ibrahim Alaihissalam, Hajar Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam...
- Terkenang juga insan kepada Nabi Muhammad Sallallahu alaihi wasallam, para Sahabat Radiyallahu 'anhum, Tabi'in, Ulama dari dahulu hingga kini...
- Semuanya mengandungi pengajaran dan iktibar bagi insan yang dapat diaplikasikan dalam kehidupannya...








11. Umrah mendidik Insan  
supaya membuat “zikrullah”  
dengan banyak:

---

- Zikrullah: Sebut dan Ingat Allah...
- Bermula dengan Ihram, disusuli dengan tawaf, diakhiri dengan saei; kesemuanya didedikasikan untuk menegakkan sebutan dan ingatan terhadap Allah Taala...

## 12. Umrah mendidik Insan agar berdisiplin;

- Aturan yang jelas dan susunan yang mudah dalam amalan umrah mengarahkan insan agar terdidik dengan disiplin yang ideal yang telah ditetapkan oleh Allah Taala melalui Rasul-Nya Sallallahu alaihi wasallam...





# 13. Umrah mendidik Insan dengan didikan keimanan:

---

Antara lain dengan menjauhkan kata-kata lucah “baik yang halal mahupun yang haram”, perbuatan fasiq dan perbalahan...

---

Dengan bersungguh-sungguh melakukan ketaatan serta mengisi waktu dengan kebajikan kerana apa sahaja amal salih yang insan lakukan pasti diketahui Allah Taala...

---

Dengan menekankan doa, meminta dan merasakan kelazatan berbisik dengan Allah Taala... semasa tawaf, semasa di Safa dan Marwah...

---

Dengan istiqamah/ teguh mengekalkan kesucian “akaun” yang telah dikemaskini. Insan wajar berusaha agar berterusan suci jiwanya selepas selesai umrah...



14. Umrah mendidik Insan supaya berdakwah kepada Allah Taala, menyuruh kepada kebaikan dan melarang daripada kemungkaran:

- Apabila orang ramai berkumpul, pasti ada yang tidak berapa mengetahui hukum-hukum ihram dan umrah. Ini merupakan peluang untuk insan mengajar dan membentuk kefahaman serta membina jati diri mereka.
- Wujudnya unsur-unsur syirik dan bidaah dalam beberapa amalan pula mewajibkan insan memerintahkan kebajikan dan melarang kemungkaran...



# 15. Umrah, dengan konsep ihram, mendidik Insan agar meninggalkan perkara haram:

- Dalam ihram, insan amat berhati-hati agar tidak membuat perkara halal yang ditegah semasa berada dalam ihram. Jika ini ditekankan dan dihayati, sudah pasti lebih perlu untuk kita menghindari perkara haram yang ditegah selagi hayat dikandung badan...
- Wajarlah insan meninggalkan perkara haram dalam kehidupannya kerana insan telah terlatih dengan menegah diri dari perkara halal yang diharamkan seketika dalam ihramnya...



16. Umrah, dengan laungan Talbiyah, mendidik Insan supaya menghayati Tauhid, ketaatan dan menyalahi urusan kekufuran:

- Sebutan “Labbaikallahumma labbaik”: mengandung sahutan insan terhadap panggilan Tuhannya... Azan juga merupakan panggilan Tuhannya...
- Sebutan “Labbaika la syarika laka labbaik”: menyalahi Talbiyah golongan musyrikin terdahulu... menyalahi penyertaan dalam amalan berunsur syirik dahulu, kini dan seterusnya...






- Sebutan “Innal hamda wan ni‘mata laka wal mulk” : menegaskan segala kepujian, nikmat dan kekuasaan adalah milik Allah Taala jua...

---

- Sebutan “La syarika lak” sekali lagi: menekankan konsep Tauhid, tiada ibadah kecuali untuk Allah Taala sahaja...
- Meneruskan sebutan Talbiyah sehingga sampai ke Tanah Haram atau melihat Ka‘bah atau mula Tawaf, kesemua pendapat-pendapat ini: menunjukkan perlu banyak menyebut dan mengingati Allah Taala...



# 17. Umrah mendidik Insan agar meneguhkan azam dan meneguhkan keinginan terhadap kebajikan:


- Untuk melaksanakan umrah, insan perlu meluangkan masa dan membuat strategi dalam kehidupannya. Kewajipan duniawi yang tidak berpenghujung diketepikan seketika demi keinginan tinggi untuk melaksanakan umrah. Pastinya perlu diatur segalanya sebelum bertolak...
- Insan perlu kuatkan azamnya, mengatasi kesenangan dan kemudahan di tempat asal jika ingin membuat umrah, kerana pasti akan ada kesulitan sama ada sedikit mahupun banyak dalam perjalanan umrah ini...





18. Umrah mendidik Insan supaya kuat hubungan dengan Allah, bermotivasi tekad dan bersemangat tinggi untuk menambah hasil dan menukar perjalanan hidup:

- Untuk melaksanakan umrah, perlulah disemai satu matlamat tertinggi iaitu keredaan Allah Taala agar dapat insan melepaskan dirinya dari segala hubungan keduniaan yang menggugat hubungannya dengan Allah Taala...





- Semestinya juga insan perlu mengorak langkah-langkah positif yang memudahkan jalannya untuk melaksanakan umrah tersebut...
- Dengan ini, insan terdidik untuk :
  - meninggalkan rutin yang melemahkan produktiviti...
  - memutuskan hubungan selain Allah Taala yang memudaratkan...
  - membuat satu perubahan positif dalam kehidupannya...




## 19. Umrah mendidik Insan agar biasa dengan praktikal:

- Dalam umrah insan itu sendiri dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan amalan-amalan ibadat.
- Ibadat dalam umrah lebih bersifat praktikal.
- Bacaan dalam umrah sedikit sahaja yang perlu dihafal.
- Ini semua melatih insan agar membiasakan diri dengan praktikal dan bukan sahaja teori/ pengetahuan, walaupun teori/ pengetahuan adalah pra syarat bagi praktikal...





## 20. Umrah mendidik Insan supaya sentiasa belajar dan mengajar:



- Sebelum pergi umrah, badan dibawa ke kelas-kelas penerangan amalan umrah...
- Sebelum terbang diberi penerangan...
- Semasa dalam bas diberi penerangan...
- Semasa Tawaf ada pembimbing, semasa Saie juga...
- Semasa melakukan umrah, mungkin juga ada soalan yang diajukan dan diberi penerangan lagi...
- Jika kefahaman dah mantap, insan dapat pula membantu memberi penerangan kepada rakan umrah yang lain...





- Semasa menziarahi masya'ir dan tempat bersejarah Sirah juga ada penerangan...
- Wajarlah insan menjadikan ini suatu permulaan dan batu loncatan bagi mendalami ilmu agama Allah Taala ini, mengamalkannya dan seterusnya menyampaikannya dan mengajarnya kepada sesiapa yang memerlukannya...



# Tazkirah



- Begitulah sedikit sebanyak peranan umrah dalam membentuk insan agar bersifat kamil...
- Sempurna dalam tidak sempurna...
- Sempurna sebagai hamba yang serba kekurangan...
- Semakin diperhambakan dirinya, semakin sempurnalah martabat insan di sisi Allah Taala...
- Namun jika ada insan yang enggan memperhambakan dirinya kepada Allah Taala dan angkuh terhadap hamba-hamba Allah Taala; semakin kurangnya kesempurnaan martabatnya di sisi Allah Taala...






# Tausiyah



- Semoga penerangan ini dapat diterapkan dalam kehidupan sehari-hari kita sebagai insan yang menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan oleh Allah Taala, merangkumi:
  - - Tugas terhadap Allah...
  - - Tugas terhadap diri sendiri...
  - - Tugas terhadap keluarga...
  - - Tugas terhadap masyarakat...
  - - Tugas terhadap alam sejagat...



# Persiapan Diri untuk Umrah



- Spiritual
- 1. Betulkan niat:
  - - utama; untuk ibadah khas iaitu umrah...
  - - sampingan; berniaga, shopping, jalan-jalan dan lain-lain...
- 2. Doa agar Allah Taala mudahkan permusafiran umrah ini.
- 3. Ilmu: hadir kelas, baca, bincang, tanya...



## Persiapan Diri untuk Umrah

- Fizikal
- 1. Mula exercise/ bersenam:
  - - Jalan kaki...
- 2. Jaga makan minum:
  - - Jangan makan minum berlebihan...



# Persiapan Diri untuk Umrah

---

Bekalan:

---

1. Siapkan bekal untuk ahli keluarga yang ditinggalkan...

---

2. Siapkan wasiat...

---

3. Atur bekal semasa permusafiran:

---

- pakaian menepati piawaian agama

---

- elakkan pembaziran

---






# Persiapan Diri untuk Umrah

- Keselamatan
- 1. Telefon bimbit (pakej roaming atau simcard Saudi)
- 2. Kad Jemaah/ Kad Hotel
- 3. Kumpulan Whatssap
- 4. Jalan secara berkawan/ berkumpulan
- 5. Jika naik teksi lelaki dulu masuk akhir keluar
- 6. Tempat berkumpul di Masjid Haram







اللهم إنا نسألك علما نافعا،  
ورزقا طيبا، وعملا متقبلا...  
اللهم أعنا على ذكرك وشكرك  
وحسن عبادتك...

وصلى الله على نبينا محمد،  
وعلى آله وصحبه،

ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين...  
وأخر دعوانا، أن الحمد لله رب  
العالمين...

